

17/08/1997

TAB gesa pemaju percepat bayaran

KUCHING: Tabung Amanah Bakun (TAB) semalam menggesa pemaju projek empangan hidro elektrik Bakun, Bakun Hydroelectric Corporation Sdn Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Berhad, mempercepat pembayaran RM5 juta yang dijanjikan kepada tabung berkenaan pada Ogos tahun lalu.

Pengerusi tabung, Dr James Jemut Masing, berkata sehingga semalam BHC belum menunaikan janjinya, iaitu menyumbangkan wang sejumlah RM5 juta kepada tabung berkenaan untuk dijadikan dana.

Beliau berkata, sejak tabung itu diwujudkan tahun lalu, pihaknya hanya menerima RM10 juta masing-masing RM5 juta daripada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Katanya, kegagalan BHC menunaikan janjinya bukan sahaja boleh menjejaskan nama baik syarikat berkenaan di negeri ini juga seluruh negara.

"Saya yakin BHC akan menunaikan janji mereka dan kita harap pemberian dapat dipercepatkan kerana kita memerlukan duit untuk mengadakan beberapa siri bengkel dan seminar penerangan kepada penduduk terbabit," katanya selepas merasmikan rangkaian Restoran A&W dan Restoran Belissini di Tebingan Kuching di sini, semalam.

Tabung itu diwujudkan dengan dana RM15 juta dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Sibu, pada 7 Ogos tahun lalu.

Penubuhan tabung itu bagi menjaga kebajikan penduduk di Belaga, khususnya yang terbabit dalam pelaksanaan projek empangan berkenaan yang membabitkan kos RM13.6 bilion.

Tabung berkenaan bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan kepada penduduk di daerah berkenaan, khususnya pelajar melanjutkan pelajaran dan mengikuti latihan kemahiran.

Dalam kenyataan sebelum ini Dr Masing yang juga Menteri Pelancongan berkata, tabung itu akan memberi biasiswa kepada setiap anak kelahiran Belaga, tanpa mengira latar belakang mereka, termasuk anak kumpulan yang membantah pelaksanaan projek itu sebelum ini.

Beliau juga berkata, setakat ini tabung itu belum menetapkan tarikh akhir BHC mesti menunaikan janjinya.

"Dalam budaya hidup Orang Ulu, mereka akan terikat dengan janji yang dibuat seumur hidup dan akan terus menuntut selagi ia belum ditunaikan.

"Oleh itu adalah tanggungjawab BHC menunaikan janji mereka kepada penduduk di kawasan terbabit," katanya.

(END)